

UNTUK SIARAN SEGERA

20 MEI 2026

## **PLUS NASIHAT PENGGUNA RANCANG PERJALANAN LEBIH AWAL SEMPENA CUTI PERSEKOLAHAN DAN PERAYAAN BERGANDA**

- **PLUS siap sedia hadapi peningkatan trafik**

**Petaling Jaya, 20 Mei 2026:** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menasihatkan pengguna lebuh raya merancang perjalanan balik ke kampung atau bercuti dengan lebih awal, susulan jangkaan peningkatan aliran trafik di seluruh rangkaian lebuh rayanya, termasuk di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) mulai 22 Mei hingga 7 Jun 2026. Peningkatan trafik ini dijangka berlaku sempena musim cuti berganda merangkumi Cuti Pertengahan Tahun Persekolahan dan sambutan perayaan Hari Raya Aidiladha, Hari Wesak serta Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh yang sama.

PLUS menjangka jumlah trafik di lebuh raya kendaliannya akan meningkat sehingga 2.2 juta kenderaan sehari, manakala Lebuhraya LPT2 pula dijangka merekodkan peningkatan sehingga 50 ribu kenderaan sehari pada Hari-hari Puncak. Hari-hari puncak dijangka pada 22, 23, 26, 28, 29, 30 dan 31 Mei 2026 bagi kenderaan yang keluar dari Lembah Klang, manakala bagi perjalanan kembali semula ke Lembah Klang adalah pada 4, 5, 6 dan 7 Jun 2026.

PLUS telah bersiap sedia bagi memastikan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna berada pada tahap terbaik sepanjang musim perayaan ini. Menerusi pengurusan trafik dan insiden yang efisien, PLUS akan mengaktifkan Smart Lane di 33 lokasi tumpuan trafik bagi menambah kapasiti lorong, menugaskan lebih 500 anggota PLUS Ronda dan LPT2 Ronda untuk menjalankan rondaan 24 jam sehari, mengoptimumkan operasi dan membuka semua lorong di plaza tol serta pemantauan trafik masa nyata menerusi Pusat Pemantauan Trafik (TMC).

Bagi membantu pengguna merancang perjalanan di Lebuhraya PLUS dan LPT2 dengan lebih efisien, PLUS menggalakkan orang ramai supaya merujuk dan mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA di aplikasi PLUS. Pengguna disaran mengikuti MyPLUS-TTA yang dicadangkan bagi melancarkan perjalanan, sekali gus membantu mengurangkan kesesakan sepanjang tempoh tersebut. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut dan mengakses jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA dengan memuat turun atau mengemas kini aplikasi PLUS bagi merancang perjalanan dengan lebih baik.

Selain itu, PLUS dengan kerjasama strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) serta agensi berkaitan komited untuk membantu melancarkan aliran trafik dan memastikan tahap keselamatan pengguna lebuh raya sentiasa berada pada tahap optimum sepanjang musim perayaan ini.

Dalam pada itu, pengguna boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X @plustrafik dan @lpt2trafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih serta saluran stesen radio utama negara.

Orang ramai boleh menghubungi PLUSLine di 1800-88-0000 dan LPT2Line di 1800-88-0220 jika memerlukan bantuan kecemasan di lebuhraya. PLUS turut menasihatkan pengguna lebuhraya supaya menggunakan aplikasi PLUS, Waze atau Google Maps untuk merancang perjalanan serta mendapatkan status trafik semasa sepanjang musim perayaan kali ini.

Pada masa sama, PLUS turut mengingatkan pengguna lebuhraya supaya memastikan baki kad Touch 'n Go atau eWallet (bagi pengguna RFID dan JustGO) sentiasa mencukupi sebelum memulakan perjalanan di lebuhraya.

Pengguna lebuhraya juga diingatkan supaya memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan, berhati-hati memandu ketika hujan, mendapatkan rehat secukupnya, memandu dengan berhemah dan mematuhi peraturan lalu lintas demi keselamatan bersama.

- TAMAT -

### PERTANYAAN MEDIA:

<p><b>Mashitah Mohd Arshad</b> Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my</p>	<p><b>Rofina Adam</b> Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my</p>
---	---